

27/10/1998

Bekas KM dapat anugerah

KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas Ketua Menteri Sabah, Allahyarham Tun Mohammed Fuad Stephens, menerima anugerah Tokoh Wartawan Negara berikutan sumbangan besarnya membantu pembentukan Persekutuan Malaysia.

Anugerah yang diberi Institut Akhbar Malaysia (IAM) itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada balu Allahyarham, Toh Puan Rahimah Stephens, selepas majlis perasmian Persidangan Dwitahunan Kesatuan Akhbar Komanwel (CPU) di sini, hari ini.

Mohammed Fuad adalah penerima keempat anugerah terulung kewartawanan negara itu sejak 10 tahun lalu. Sebelum ini, anugerah itu diberi kepada tokoh wartawan veteran Tan Sri A Samad Ismail (1988), Tan Sri Lee Siew Yee (1991) dan Allahyarham Datuk Ishak Mohammad (1995).

Allahyarham yang dilahirkan pada 14 September 1920, mula membabitkan diri dalam dunia kewartawanan apabila menyumbang karyanya kepada akhbar North Borneo News dengan menggunakan nama pena Vox Populi.

Berdasarkan pengalamannya bersama North Borneo News, Allahyarham membuka syarikat akhbarnya, Sabah Times.

Edisi pertama akhbar harian itu di Borneo Utara dipasarkan pada Mac 1952.

Katika itu, beliau bertugas sebagai editor, wartawan, jurutaip, penyusun huruf dan penghantar akhbar.

Dua tahun kemudian, beliau membeli North Borneo News dan menggabungkannya dengan Sabah Times.

Sebagai jurucakap utama rakyat Sabah, pemimpin Tanah Melayu menyedari keupayaan Allahyarham membawa perubahan di meja perbincangan kerana tanpa pembabitan dan persetujuannya, rundingan mengenai penubuhan Malaysia mungkin menemui jalan buntu.

(END)